

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 2 (30)

30 Disember 2013  
27 Safar 1435

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 49/2013

### PELANJUTAN TEMPOH PROSES PENILAIAN PRESTASI STAF (e-LPPT/e-LNPT 360°/e-LNPT) TAHUN 2013

Merujuk kepada pelaksanaan Penilaian Prestasi Staf Secara Dalam Talian (*Online*) (e-LPPT/e-LNPT 360°/e-LNPT) Tahun 2013 melalui Pekeliling Pentadbiran Bil. 41/2013, Penilaian Prestasi Staf Secara Dalam Talian (*Online*) Tahun 2013 (e-LPPT/e-LNPT 360°/e-LNPT), didapati pengisian oleh Pegawai Yang Dinilai (PYD) masih di tahap yang kurang memuaskan.

2. Sehubungan itu, Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh pelaksanaan penilaian prestasi seperti berikut;

TARIKH	TINDAKAN
1 November 2013 hingga 30 November 2013	Mengenal pasti klasifikasi Pegawai Yang Dinilai (PYD) / Pegawai Penilai oleh PSM PTJ
1 Januari 2014 hingga 14 Januari 2014	Pengisian borang Laporan Penilaian Prestasi Tahun 2013 dan pengisian pencapaian kerja sebenar tahun 2013 secara <i>online</i> oleh Pegawai Yang Dinilai (PYD).

TARIKH	TINDAKAN
15 Januari 2014 hingga 11 Februari 2014	i. Penilaian dan pengisian markah oleh Pegawai Penilai Pertama (PPP) serta pemakluman markah oleh Pegawai Yang Dinilai (PYD). ii. Penilaian dan Pengisian markah 360 <sup>o</sup> oleh PPR dan PPS.
12 Februari 2014 hingga 17 Februari 2014	Semakan status penilaian oleh PSM PTJ.
18 Februari 2014 hingga 20 Mac 2014	Penilaian dan pengisian markah oleh Pegawai Penilai Kedua (PPK).
Mac/April 2014	Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (MPPSM) Fakulti/Bahagian.
April 2014	Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (MPPSM) Universiti.

3. Oleh yang demikian, pihak Universiti memohon kerjasama semua PYD/PPP/PPR/PPS/PPK untuk melengkapkan e-LPPT/e-LNPT 360<sup>o</sup>/e-LNPT masing-masing dalam tempoh lanjutan yang telah ditetapkan.


4. Sila ambil perhatian bahawa setiap staf adalah tidak dikecualikan e-LPPT/e-LNPT 360<sup>o</sup>/e-LNPT atau membuat penilaian terhadap e-LPPT/e-LNPT 360<sup>o</sup>/e-LNPT staf yang dipertanggungjawabkan. Staf yang gagal melengkapkannya boleh disifatkan sebagai melanggar peraturan dan tindakan boleh dikenakan ke atas staf berkenaan. Kegagalan melengkapkan e-LPPT/e-LNPT 360<sup>o</sup>/e-LNPT juga akan memberi kesan kepada pergerakan gaji tahunan, kenaikan pangkat, pencen dan penyambungan kontrak perkhidmatan (jika berkenaan).

5. Pihak Universiti amat berharap semua PYD, PPP, PPR, PPS dan PPK dapat memberikan kerjasama dalam pelaksanaan penilaian prestasi tahun 2013 ini agar instrumen penting pengurusan dan pembangunan sumber manusia Universiti memenuhi objektifnya.

Sekian, terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Yang benar,



**WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN**

Pendaftar

- s.k
- YBhg. Naib Canselor
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
  - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah